

12/05/2000

Perwakilan sudah ramal kemenangan tiga naib

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kemenangan Datuk Seri Najib Tun Razak, Tan Sri Muhammad Muhd Taib dan Tan Sri Muhyiddin Yassin, bagi jawatan Naib Presiden Umno sudah diramalkan kebanyakan perwakilan.

"Ramai yang berpendapat mereka ini akan menang. Itu keputusan perwakilan... kita terima... (justeru) mereka kena kerja kuat," katanya mengulas kejayaan Najib dan Muhammad mempertahankan jawatan Naib Presiden dan Muhyiddin menduduki semula kerusi itu selepas gagal mempertahankannya pada pemilihan 1996.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri Jamuan Presiden di Dewan Tun Razak di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), malam ini.

Ditanya jika beliau ada menerima sebarang laporan mengenai pembabitan ketiga-tiga Naib Presiden itu dengan politik wang, Dr Mahathir berkata: "Setakat ni kita tak ada laporan mengenai (pembabitan) mereka dan kita terimalah."

Mengenai kemungkinan calon naib presiden yang kalah akan dikekalkan kedudukannya dalam pilihan raya akan datang, beliau berkata, perkara itu belum pasti lagi.

Enam calon yang tewas ialah Datuk Abdul Ghani Othman, Tan Sri Mohd Isa Samad, Datuk Seri Abu Hassan Omar, Datuk Seri Osu Sukam, Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Datuk Dr Rais Yatim.

Sementara itu, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi juga mengucapkan tahniah kepada ketiga-tiga naib presiden yang menang.

"Ketiga-tiga mereka adalah sahabat baik saya. Saya biasa bekerjasama dengan mereka dan sekarang saya boleh bekerjasama dengan mereka...tiada masalah.

"Ini kerana ketiga-tiga mereka tentu sekali akan berada dalam Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin yang akan dipengerusikan oleh timbalan presiden.

"Jadi saya akan bekerjasama rapat dengan mereka dalam kerja yang berkaitan dengan penyertaan mereka," katanya.

(END)